



NUR SYAZWANI MD SUIF, ASBOL MAIL &
BRAHIM TENGAH

Pemerintah Wanita Kesultanan Alam Melayu (Abad ke-16 hingga ke-17 Masihi): Isu Mempertahankan Takhta

IKHTISAR: Wanita-wanita dalam Kesultanan Alam Melayu tradisional pada abad ke-16 hingga abad ke-17 Masihi memang terlibat dalam kegiatan politik negara. Hal ini boleh dilihat apabila mereka tergolong sebagai pemerintah. Dengan mengguna-pakai kaedah sejarah, pendekatan, dan analisis kualitatif, pengajian ini menunjukkan bahawa ketika berada ditampuk kuasa, mereka tidak dapat menghindarkan diri dari mengalami cabaran politik. Pemerintah-pemerintah wanita, seperti Raja Ijau dari Kerajaan Patani, Selatan Siam; Ratu Kalinyamat dari Kerajaan Kalinyamat, Jepara, Jawa Tengah; empat orang Sultanah Aceh dari tahun 1641 hingga 1699, iaitu Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam, Naqiyat al-Din Nur al-Alam, Zakiyat al-Din Inayat Syah, dan Kamalat Zainatuddin Shah; serta Cik Siti Wan Kembang dari Kerajaan Kelantan, Tanah Melayu melakukan dua strategi untuk mengatasi cabaran. Pertama, menggunakan tindakan agresif dengan menggunakan kekerasan sehingga musuh-musuhnya dapat dikalahkan. Kedua, memperalatkan strategi diplomasi dengan menggunakan pengaruh ulama dan hubungan luar melalui jalinan persahabatan yang erat. Ini menunjukkan bahawa wanita juga mempunyai karisma dalam mentadbir negara, di samping mampu menghadapi berbagai cabaran, biarpun mereka dipandang sebagai makhluk yang lemah.

KATA KUNCI: Wanita dan Sultanah; Cabaran dan Politik; Wibawa dan Takhta.

ABSTRACT: "Women Rulers of the Malay World Sultanate (16th to 17th Century AD): The Issue of Defending the Throne". Women in the traditional Malay World Sultanate in the 16th to 17th century AD were indeed involved in the political activities of the country. This can be seen when they were classified as rulers. By using historical methods, approaches, and qualitative analysis, this study shows that when in power, they could not avoid experiencing political challenges. Women rulers, such as Raja Ijau of the Kingdom of Patani, Southern Thailand; Ratu Kalinyamat of the Kingdom of Kalinyamat, Jepara, Central Java; four Sultanahs of Aceh from 1641 to 1699, namely Sultanah Safiyatuddin Taj al-Alam, Naqiyat al-Din Nur al-Alam, Zakiyat al-Din Inayat Syah, and Kamalat Zainatuddin Shah; and Cik Siti Wan Kembang of the Kingdom of Kelantan, Malaya, used two strategies to overcome challenges. First, they used aggressive actions by using force so that their enemies could be defeated. Second, using diplomatic strategies by using the influence of scholars and external relations through close friendships. This shows that women also have charisma in governing the country, in addition to being able to face various challenges, even though they are seen as weak creatures.

KEY WORD: Women and Sultans; Challenges and Politics; Authority and Throne.

About the Authors: Dr. Nur Syazwani Md Suif ialah Alumna Pelajar Ph.D. Sejarah pada FASS UBD (Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam); Prof. Dr. Asbol Mail dan Prof. Dr. Brahim Tengah ialah Pensyarah pada FASS dan APB (Akademi Pengajian Brunei) UBD. Alamat emel Penulis: asbolm@gmail.com

Suggested Citation: Suif, Nur Syazwani Md, Asbol Mail & Brahim Tengah. (2026). "Pemerintah Wanita Kesultanan Alam Melayu (Abad ke-16 hingga ke-17 Masihi): Isu Mempertahankan Takhta" in SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah, Volume 14(2), September, pp.19-44. Bandung, Indonesia and Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: MINDAMAS Foundation, ASPENSI, and PERSEBAR with ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).

Article Timeline: Accepted (27 July 2026); Revised (17 August 2026); and Published (15 September 2026).

PENGENALAN

Alam Melayu merupakan rantau yang terletak di kepulauan Asia Tenggara (Templer, 2018:13). Rantau ini termasuklah Brunei, Malaysia, Indonesia, Singapura, Patani (Selatan Siam), dan Filipina. Bahkan ada pengkaji mengatakan bahawa kawasan Alam Melayu itu meluas dari Pulau Madagaskar di Afrika Timur hingga Kepulauan Pasifik (Ali, 2008:1-2; Ramli, 2011:213). Dalam kajian sejarah Alam Melayu, period kajian dikategorikan kepada empat era. Pertama, era Animisme; kedua, era pengaruh India atau Hindu-Buddha; ketiga, era Islam; dan keempat, era pengaruh Barat (Lombard, 1996).

Antara era Animisme sehingga era pengaruh Islam dianggap sebagai tempoh tradisional. Istilah “tradisional” dalam konteks ini bererti suatu tempoh dalam mana masyarakat Melayu belum menerima pengaruh pemodenan Barat secara meluas. Di era tradisional, corak kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu masih berpegang teguh kepada nilai-nilai tradisional, sama ada dalam aspek politik, sosial, mahupun ekonomi. Era tradisional berterusan hingga abad ke-19, meskipun dalam period berkenaan pengaruh Barat semakin berkembang di Alam Melayu, namun pengaruhnya belum begitu meluas kerana nilai-nilai tradisi masih teguh dipraktikkan oleh masyarakat Alam Melayu (Tarling ed., 2008a:513).

Di era Animisme, masyarakat Melayu belum berpegang kepada sebarang agama atau pagan. Keyakinan mereka tertumpu kepada keberadaan roh-roh nenek-moyang, penunggu bukit bukau, hantu, dan sebagainya, yang dipercayai boleh mendatangkan kebaikan dan malapetaka dalam kehidupan mereka. Lantaran itu muncul acara-acara pemujaan roh-roh dan hantu-hantu agar mereka tidak menimpakan sebarang bahaya kepada masyarakat. Bagaimanapun, zaman Animisme tidak begitu jelas, sama ada masyarakat Melayu sudah membentuk kerajaan atau belum dalam tamadun mereka (Ryan, 1971:29).

Apabila pengaruh India datang ke Alam Melayu, yang dianggarkan bermula pada abad ke-2 Masihi,¹ maka baharu sistem berkerajaan mula menonjol dalam masyarakat Melayu. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Alam Melayu telah berjaya meningkatkan tamadunnya dari hanya bermasyarakat

¹Tempoh kajian ini berlaku pada “Tahun Masihi”. Jika tahun ini tidak terlibat, maka akan dijelaskan seperti “Sebelum Masihi”.

dalam peringkat perkampungan kepada membentuk sebuah kerajaan. Keterangan tentang pencapaian ini boleh dilihat dari sumber-sumber arkeologi dan laporan-laporan China awal (I-Tsing, 1896:xxx, xxxix, dan 10; Hirth & Rockhill eds., 1912:60-82 dan 147-159; Shuhaimi, 1984:45, 60, dan 65; Salleh, 1987:15-21).

Berdasar sumber-sumber mendapati bahawa masyarakat Melayu telah menubuhkan kerajaan sekurang-kurangnya pada abad ke-2 Masihi. Ia boleh dilihat, antaranya, kemunculan Kerajaan Langkasuka yang terletak di Patani, Kedah Tua di Kedah, dan Gangga Negara di Perak (Wheatley, 1961:252; Yatim & Rahman, 1994:3-4).

Selain itu, terdapat pula Kerajaan Kutai Martapura di Kalimantan Timur dan Taruma Negara di Jawa Barat. Kedua-dua kerajaan dikatakan sudah ada pada abad ke-4 Masihi. Pada abad-abad berikutnya, sumber China pula merakamkan tentang beberapa kerajaan lain, seperti Tanah Merah di Kelantan pada abad ke-5; Sriwijaya di Sumatera pada abad ke-7; Mataram-Hindu di Jawa Tengah pada abad ke-9; dan Empayar Majapahit di Jawa Timur pada abad ke-13 Masihi (I-Tsing, 1896:xxx, xxxix, dan 10; Hirth & Rockhill eds., 1912:60-82 dan 147-159; Wheatley, 1961:14 dan 26; Salleh, 1987:20).

Dengan kemunculan sistem beraja dalam masyarakat Melayu, maka munculah golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Golongan pemerintah terdiri dari raja dan kaum kerabatnya, yang juga dikenali sebagai kelompok bangsawan. Pembesar-pembesar yang dilantik oleh raja dikategorikan juga sebagai golongan pemerintah. Manakala golongan yang diperintah terdiri dari rakyat jelata, yang kelazimannya dalam kalangan petani, nelayan, pedagang, para tukang, dan tokoh-tokoh masyarakat.

Pada zaman Hindu-Buddha, raja-raja Melayu mempunyai kuasa mutlak dan dianggap keturunan dewa yang juga dikatakan sebagai konsep dewa-raja. Mana-mana rakyat yang derhaka kepada raja, mereka akan menerima hukuman yang berat, sama ada hukuman secara fizikal mahupun terkena sumpahan dewata mulia raya (Hamid, 1991:49-50; Ali, 2008:13; Tarling ed., 2008a:513; Al-Attas, 2018:11-12).

Pengaruh India yang berteraskan agama Hindu-Buddha, kemudiannya, semakin pudar dan diganti dengan pengaruh Islam. Agama ini dianggarkan muncul pada abad ke-7 Masihi

di Alam Melayu, kemudiannya wujud kerajaan-kerajaan Islam atau Kesultanan-kesultanan Melayu, yang bermula pada abad ke-13 dan ke-14. Dengan itu, Alam Melayu telah memasuki era pengaruh Islam (Hamid, 1991:49-50; Ali, 2008:13; Tarling ed., 2008a:513; Al-Attas, 2018:11-12).

Dalam era Islam, raja tidak lagi dianggap sebagai dewa-raja, kerana ini perbuatan syirik yang dilarang dalam ajaran Islam. Sebaliknya, raja hanya sebagai “Khalifah Allah” di muka bumi. Mereka hanyalah wakil Allah yang diamanahkan menjalankan pemerintahan dengan penuh adil dan saksama, selaras dengan ajaran Islam. Tiada lagi ada perbezaan kasta, sebagaimana menjadi amalan di zaman pengaruh India. Semua manusia sama menurut ajaran Islam di sisi Allah, yang membezakan antara mereka ialah ketakwaan kepada Allah (Milner, 1989:57; Suwirta, 2007:105-118).

Apabila kuasa Barat menguasai Alam Melayu bermula pada penghujung abad ke-18 Masihi, dan semakin rancak pada abad ke-19, maka pengaruh politik Kesultanan-kesultanan Melayu telah mendapat cabaran hebat berbanding dengan penguasaan mereka pada abad ke-16. Meskipun sistem beraja masih dapat dipertahankan dalam kehidupan bernegara dan berbangsa bagi masyarakat Melayu, namun ia semakin tercabar dengan kedatangan pengaruh Barat, yang membawa berbagai pemodenan ke atas masyarakat Melayu. Pengaruh Barat telah berjaya melontorkan pengaruh Kesultanan Melayu tradisional, bukan sahaja dalam bidang politik tetapi juga sosial dan ekonomi, meskipun pengaruh ini masih ada nilai-nilai positifnya (Ali, 2008:2 dan 14-17; Tarling ed., 2008b:80).

SENARIO DAN KAEDAH PENYELIDIKAN

Bagaimanapun, dalam mengkaji perkembangan politik Kesultanan Alam Melayu tradisional, majoriti pengkaji masih fokus kepada peranan lelaki berbanding dengan peranan wanita. Peranan mereka seolah-olah tidak begitu menonjol dan agak terpinggir berbanding dengan kaum lelaki. Fenomena ini berlaku kerana wujudnya pandangan stereotaip dari segi sifat biologi dan sosiologi, yang menganggap kaum wanita Alam Melayu tradisional sebagai golongan yang lemah. Telaahan ini agak subjektif dan tidak benar sama sekali, kerana sebahagian daripada mereka telah memainkan peranan yang penting, dan turut menyumbang dan menjadi pemangkin kepada perkembangan tamadun Melayu. Peranan

mereka bukan sahaja dalam aspek politik, bahkan dalam aspek sosial dan ekonomi (Hashim, 2003; Andaya, 2006:227-228).

Senario ini boleh dibuktikan dari sumber-sumber sejarah dalam bentuk manuskrip-manuskrip lama, kesusasteraan klasik, kitab sejarah, undang-undang, keagamaan, dan kebudayaan akan terserlah bahawa kaum wanita juga turut memainkan peranan dalam bidang politik, sosial, dan ekonomi kesultanan-kesultanan di Alam Melayu. Begitu juga sebahagian daripada sumber-sumber Barat, terutama catatan-catatan daripada pihak British dan Belanda ada menghuraikan tentang peranan wanita Alam Melayu tradisional.

Dari sumber-sumber tertulis jelas bahawa wanita zaman Kesultanan Melayu tradisional juga memainkan peranan dalam politik, bukan hanya golongan lelaki. Pada dasarnya, aspek politik bolehlah ditakrifkan sebagai hal-hal yang membincangkan tentang isu-isu kenegaraan, kekuasaan, membuat keputusan, dasar-dasar awam (public policy), dan pembahagian kuasa (Budiardjo, 1999:8).

Politik juga ditakrifkan sebagai suatu proses yang melambangkan ragam manusia, yang mengandungi konflik di antara kebaikan di sebelah pihak dan kehendak-kehendak kumpulan di pihak lain yang perlu diselesaikan. Proses penyelesaian sering kali melibatkan penggunaan kuasa atau pun perebutan kuasa (Fried, 1977:197 dan 199; Ramanathan, 1988:302).

Pada umumnya, politik yang berkaitan dengan hal-hal kenegaraan akan membabitkan isu-isu pemerintahan, pentadbiran, hubungan diplomatik, dan rebutan kuasa. Apabila kuasa politik dapat dipegang oleh setiap penguasa, maka mudah baginya untuk menggubal undang-undang bagi mengukuhkan kuasa politiknya, di samping memastikan keamanan dan keharmonian rakyat dan negara dapat dicapai. Konflik politik berkaitan dengan rebutan takhta kerajaan memang lumrah berlaku dalam kerajaan-kerajaan Alam Melayu tradisional.

Jadi, dengan mengguna-pakai kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, dan senario mahukan menumpukan pada peranan wanita dalam Kesultanan Alam Melayu tradisi, artikel ini membagi naratif dan perspektif berbeza bahawa wanita ada kedudukan dan peranan yang kritikal, tidak kalah berbanding

dengan peranan lelaki dari masa ke semasa (Creswell & Creswell, 2018; Sjamsuddin, 2020; Andaya, 2006 dan 2021; Zed, 2025).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sepanjang tempoh abad ke-16 hingga ke-17 Masihi, Kesultanan Alam Melayu memang sudah mempunyai generasi pemerintah-pemerintah wanita yang terlibat dan berperanan dalam politik kerajaan yang menjadi tumpuan kajian ini. Sebagaimana pemerintah-pemerintah lelaki Alam Melayu, pemerintah-pemerintah wanita juga berhadapan dengan krisis-krisis politik dalam kerajaan mereka. Oleh yang demikian, pemerintah-pemerintah wanita perlu bertindak untuk mempertahankan takhta mereka daripada musuh-musuh politik, yang ingin meruntuhkan kerajaan.

Wujud dua strategi yang digunakan oleh sebahagian pemerintah-pemerintah wanita Alam Melayu tradisional dalam menangani isu mempertahankan takhta. Strategi pertama, menggunakan tindakan agresif dengan melibatkan kekuatan senjata, sehingga musuh-musuhnya dapat ditumpaskan. Strategi kedua, penerapan diplomasi yang halus dengan menggunakan pengaruh ulama dan hubungan luar dalam menewaskan penentang-penentanganya.

Dari kedua-dua strategi itu menunjukkan bahawa sebahagian pemerintah-pemerintah wanita Alam Melayu tradisional dalam tempoh abad ke-16 hingga ke-17 Masihi mempunyai kewibawaan politik dalam mengatasi ancaman penentang-penentanganya. Dalam konteks ini, boleh dilihat peranan pemerintah wanita, yang terdiri dari: Raja Ijau (1584-1616) dari Kerajaan Patani, Selatan Siam; Ratu Kalinyamat atau Ratu Retna Kencana (1549-1579) dari Kerajaan Kalinyamat, Jepara, Jawa Tengah; empat orang Sultanah Aceh dari tahun 1641 hingga 1699, iaitu Sultanah Safiyattuddin Taj al-Alam (1641-1675), Naqiyat al-Din Nur al-Alam (1675-1677), Zakiyat al-Din Inayat Syah (1677-1688), dan Kamalat Zainatuddin Shah (1688-1699), serta Cik Siti Wan Kembang (1667-1671) dari Kerajaan Kelantan, Tanah Melayu.

Tindakan Agresif. Dalam mengupas tindakan agresif ini wujud dua kes yang dilakukan oleh pemerintah wanita, iaitu: (1) Kes Kesultanan Melayu di Patani, Selatan Siam; dan (2) Kes

Ratu Kalinyamat dari Jepara, Jawa Tengah. Penjelasanannya adalah seperti berikut:

Pertama, Kes Kesultanan Melayu di Patani. Dalam mempertahankan takhta kerajaan daripada ditumbangkan oleh musuh-musuh pemerintah wanita, strategi tindakan agresif memang sering berlaku tempoh abad ke-16 hingga ke-17 Masihi di Alam Melayu. Strategi ini melibatkan penggunaan senjata dan kekerasan, sehingga mengorbankan banyak nyawa. Dalam membincangkan peranan agresif di kalangan pemerintah-pemerintah wanita di Alam Melayu bagi mempertahankan takhta mereka, boleh dilihat dalam rakaman sejarah Kerajaan Patani di Selatan Siam.

Peristiwa ini terjadi pada zaman pemerintahan raja wanita pertama Kerajaan Patani, iaitu Raja Ijau atau dikenali juga sebagai Pera'cau (1584-1616). Terdapat dua peristiwa rebutan takhta yang telah dialami oleh Raja Ijau sebelum baginda menaiki takhta pada tahun 1584, sehingga menyebabkan baginda terpaksa bertindak agresif dalam membendung ancaman musuhnya (Wyatt, 1967:28-29; Teeuw & Wyatt, 1970:100).

Peristiwa pertama, sebelum Raja Ijau ditabalkan menjadi raja pada 1584, Kerajaan Patani mengalami krisis rebutan kuasa. Krisis ini bermula dengan hasutan dari pembesar-pembesar kerajaan yang inginkan kuasa untuk diri mereka sendiri. Terdapat dua orang pembesar kerajaan yang memainkan peranan penting dalam peristiwa ini, iaitu Seri Amrat dan Seri Amar Pahlawan (Wyatt, 1967:28-29; Teeuw & Wyatt, 1970:100).

Krisis politik bermula selepas kemangkatan Sultan Manzur Syah pada 1572, pemerintah Kerajaan Patani pada masa itu. Sultan Manzur Syah mempunyai enam orang anak. Mereka terdiri daripada empat orang perempuan dan dua orang lelaki. Anak sulung baginda ialah seorang perempuan bernama Raja Ijau, kedua ialah Raja Biru, ketiga ialah Raja Unggu, empat ialah Raja Emas Kerencang (anak gundik, mangkat pada usia lima tahun). Dua orang anak lelaki baginda pula ialah Sultan Bahdur Syah adalah anak gahara dan Raja Bima hanyalah anak gundik (Wyatt, 1967:27-28; Teeuw & Wyatt, 1970:10 dan 90).

Sebelum Sultan Manzur Syah mangkat, baginda telah berwasiat untuk menabalkan Sultan Patik Siam untuk menjadi pengganti baginda. Sultan Patik Siam merupakan

anak saudara baginda, iaitu putera kepada kanda baginda, Sultan Mudhaffar Syah (1530-1564). Apabila Sultan Mudhaffar Syah mangkat pada tahun 1564, Sultan Patik Siam masih kecil dan berada di bawah jagaan ibu saudaranya, Raja Aisyah (Teeuw & Wyatt, 1970:10).

Selain Sultan Patik Siam, Sultan Mudhaffar Syah juga mempunyai seorang putera bernama Raja Bambang. Beliau adalah abang kepada Sultan Patik Siam. Dalam pada itu tidak jelas mengapa Sultan Manzur Syah tidak mahu melantik puteranya sendiri, Sultan Bahdur Syah, yang sepatutnya lebih layak dilantik untuk menggantikan baginda. Namun baginda lebih cenderung melantik Sultan Patik Siam sebagai pengganti baginda.

Walau bagaimanapun, menurut A. Teeuw & D.K. Wyatt (1970), Sultan Bahdur Syah ini seorang yang terencat akal dan bersikap zalim. Oleh itu, Sultan Manzur Syah memikirkan beliau tidak layak untuk dilantik menjadi Sultan. Dalam keadaan yang demikian, sudah tentu, Sultan Bahdur Syah tidak boleh mengendalikan pentadbiran sebuah kerajaan. Sebab itu, Sultan Manzur Syah melantik Sultan Patik Siam, sungguhpun beliau masih kecil, baharu berusia sembilan tahun (Teeuw & Wyatt, 1970:10). Bagaimanapun, pemerintahan baginda sudah tentu dibantu oleh Raja Aisyah sebagai ibu angkatnya.

Lantikan Sultan Patik Siam sebagai Sultan Patani tidak disenangi oleh Seri Amrat, seorang pembesar kerajaan. Beliau telah tersingkir dari menjadi pembesar utama kerajaan Patani setelah Sultan Patik Siam menguasai kerajaan. Sudah tentu di belakang peristiwa ini dimainkan oleh Raja Aisyah. Oleh itu, Seri Amrat mencari helah untuk beliau mendapatkan jawatan semula. Beliau telah memperalatkan Raja Bambang bagi mencapai cita-citanya. Beliau telah menghasut Raja Bambang untuk merampas kerajaan Sultan Patik Siam. Seri Amrat mengatakan kepada Raja Bambang, bahawa ia lebih layak memerintah memandangkan Sultan Patik Siam adalah adiknya, lagipun pada masa itu, baginda masih kecil (Teeuw & Wyatt, 1970:82).

Selama dua bulan, Seri Amrat bersama dengan tiga orang pegawai kerajaan lain berkomplot dengan Raja Bambang untuk merampas kuasa. Akhirnya, mereka bertindak menyerang istana Sultan Patik Siam pada sebelah pagi, dan membunuh Sultan Patik Siam. Setelah kejadian itu, Raja

Bambang meninggalkan istana untuk pulang ke rumahnya. Namun tanpa diketahui Raja Bambang, Seri Amrat telah belot dan merancang untuk membunuh beliau. Seri Amrat melemparkan lembing kepada Raja Bambang dan berjaya menembusi badannya. Raja Bambang pun mati (Teeuw & Wyatt, 1970:95-96).

Seri Amrat dan pengikut-pengikutnya telah menyebarkan berita kepada rakyat Patani dengan mengatakan bahawa Raja Bambang telah mati dibunuh oleh Seri Amrat. Pembunuhan ini dilakukan, kerana Raja Bambang ingin merebut takhta Sultan Patik Siam (Teeuw & Wyatt, 1970:97). Dari peristiwa ini menunjukkan bagaimana Seri Amrat telah memainkan peranan dengan manipulasi Raja Bambang dengan tujuan agar ia dilantik menjadi pembesar utama Kerajaan Patani.

Sementara itu, nama Raja Bambang tercemar kerana ingin merampas kuasa. Namun sebenarnya rancangan rampasan kuasa adalah hasil hasutan Seri Amrat sendiri. Dengan yang demikian, Seri Amrat dapat mengelak dirinya daripada dijatuhi hukuman, kerana terlibat dengan peristiwa rampasan kuasa. Dalam masa yang sama, beliau akan mendapat pujian kerana telah membunuh seorang pengkhianat raja. Walau bagaimanapun, dalam maklumat yang diperolehi tidak pula menjelaskan kesudahan cerita, sama ada Seri Amrat berjaya dilantik menjadi pembesar utama Kerajaan Patani atau tidak (Teeuw & Wyatt, 1970:97). Ada kemungkinan juga beliau telah dibunuh oleh pembesar lain.

Peristiwa kedua, setelah kemangkatan Sultan Patik Siam dan Raja Bambang, maka takhta kerajaan paling layak diserahkan kepada kepada Sultan Bahdur (1573-1584). Sungguhpun beliau dari segi akal tidak membolehkan seperti yang dijelaskan di atas, namun kedudukannya sebagai pewaris takhta memang bersesuaian. Maka pada tahun 1573, Sultan Bahdur Syah telah diangkat menjadi Sultan Patani.

Setelah Sultan Bahdur Syah menaiki takhta, peristiwa hampir sama yang pernah berlaku kepada Sultan Patik Siam berulang lagi. Kali ini, pembesar kerajaan yang terlibat ialah Seri Amar Pahlawan. Beliau telah menghasut Raja Bima untuk merebut takhta kerajaan (Teeuw & Wyatt, 1970:97).

Pada mulanya, Raja Bima tidak berminat untuk menaiki takhta, kerana menyedari ia bukan berketurunan anak gahara. Namun disebabkan rasa marah dengan kelakuan adindanya, Sultan Bahdur Syah, yang menghina kedudukan

beliau sebagai anak gundik, maka Raja Bima tekad untuk menyahut hasutan Seri Amar Pahlawan bagi merampas takhta kerajaan. Dengan itu, Raja Bima berharap taraf sosial dan politiknya dalam Kerajaan Patani akan meningkat. Dengan itu, ia akan lebih dihormati dan dipandang tinggi (Teeuw & Wyatt, 1970:99).

Pada hari Jumaat, waktu subuh, Raja Bima bersama-sama Seri Amar Pahlawan dan pengikut-pengikutnya menyerang istana Sultan Bahdur Syah. Raja Bima telah berjaya membunuh Sultan Bahdur Syah dengan menikam menggunakan sebilah keris. Setelah itu, Raja Bima pun keluar dari istana hendak pulang. Seri Amar Pahlawan, tiba-tiba dengan pantas menusuk Raja Bima dengan lembingnya sehingga mati. Tindakan ini menunjukkan Seri Amar Pahlawan telah belot, dan memanipulasi Raja Bima dengan tujuan untuk mendapatkan kedudukan sebagai pembesar utama Kerajaan Patani.

Berita palsu telah disebarkan oleh Seri Amar Pahlawan bersama pengikutnya dengan mengatakan bahawa Raja Bima ingin merebut takhta kerajaan Sultan Bahdur Syah, dan Raja Bima telah berjaya dibunuh oleh Seri Amar Pahlawan. Agenda politik Seri Amar Pahlawan sama dengan Seri Amrat dalam peranan mereka untuk mengambil kesempatan menjadikan mereka sebagai pembesar utama dalam peristiwa rebutan takhta. Dalam hal ini Seri Amar Pahlawan telah memperalatkan Raja Bima untuk mencapai hasratnya, seolah-olah beliau tidak terlibat dan bersalah dalam peristiwa rampasan kuasa Sultan Bahdur Syah (Teeuw & Wyatt, 1970:100).

Apabila Sultan Bahdur Syah mangkat, tidak ada lagi pewaris lelaki, maka terpaksa dipilih di kalangan waris-waris wanita Sultan Manzur Syah. Jadi, akhirnya dipilihlah Raja Ijau pada tahun 1584. Peranan Seri Amrat dan Seri Amar Pahlawan dalam kedua-kedua peristiwa rampasan kuasa yang lalu telah diketahui oleh Raja Ijau. Dengan sebab itu, pada zaman pemerintahannya, baginda lebih berhati-hati berurusan dengan para pembesar. Baginda bertindak lebih tegas dalam bab kepimpinan agar tidak dapat dihasut dan dilemahkan oleh musuh-musuh.

Namun begitu, apabila Raja Ijau mengetahui perbuatan Seri Amar Pahlawan terhadap adindanya, Raja Bima, pada masa itulah baginda membuat keputusan untuk bertindak

agresif terhadap musuh baginda. Raja Ijau lalu menitahkan Khatib Abdul Jabar, secara rahsia, untuk membunuh Seri Amar Pahlawan. Pembunuhan yang berjaya dilakukan disebarkan beritanya bukan atas titah baginda, walaupun sebenarnya dititahkan oleh baginda sendiri (Teeuw & Wyatt, 1970:90-100). Sebagaimana petikan berikut:

Syahdan adapun segala pekerjaan Seri Amar Pahlawan dengan Raja Bima itu semuanya diketahui oleh Pera'cau. Arakian pada suatu hari Pera'cau pun semayam di penghadapan perempuan. Maka Pera'cau pun bertitah kepada bentara suruh panggil Khatib 'Abduljabar [...]. Maka titah Pera'cau: "[...] hendaklah khatib tikam Seri Amar Pahlawan itu diatas balairung kita ini, tetapi jangan dikatakan dengan suruh kita" (Teeuw & Wyatt, 1970:103-104).

Dari peristiwa Kerajaan Patani itu, jelas bahawa adanya peristiwa raja wanita Alam Melayu yang bersifat agresif atau menggunakan kekerasan untuk mempertahankan takhta daripada musuh-musuhnya.

Kedua, Kes Ratu Kalinyamat dari Jepara, Jawa Tengah. Sifat agresif di kalangan pemerintah-pemerintah wanita Alam Melayu juga berlaku dalam konteks membalas dendam ke atas kematian saudara dan suami mereka. Hal ini dapat dilihat dari peranan Ratu Kalinyamat dari Kerajaan Kalinyamat di Jepara, Jawa Tengah, apabila baginda menggunakan strategi pembunuhan musuh bagi menuntut kematian saudara dan suami baginda pada tahun 1549.

Pada tahun 1549, baginda telah mengeratkan hubungan dengan Kerajaan Pajang,² bagi mempertahankan takhta kerajaan dari direbut oleh Arya Penangsang (1549-1554). Dengan hubungan strategik ini, baginda juga turut berhasrat untuk membalas dendam terhadap Arya Penangsang, kerana telah membunuh abangnya, Sunan Prawata, dan suaminya, Sultan Hadlirin, pada tahun yang sama (Ramlan ed., 1975:34; Achmad, 2019:97).

Peristiwa itu berkisar dalam Kerajaan Demak pada tahun 1549. Ia bermula dengan krisis politik di antara keluarga Ratu Kalinyamat dengan Arya Penangsang. Ratu Kalinyamat dengan Arya Penangsang adalah bersepupu. Ratu Kalinyamat memerintah Kerajaan Kalinyamat dan Jepara, di mana pada masa itu kedua-dua kerajaan merupakan wilayah di bawah Kerajaan Demak. Manakala Arya Penangsang memerintah Jipang, sebuah kerajaan di Jawa Tengah.

²Sebuah Kesultanan Melayu yang berpusat di Jawa Tengah. Kerajaan ini membangun setelah runtuhnya Kesultanan Demak.

Ayahanda Arya Penangsang, Raden Kikin atau dikenali juga sebagai Pangeran Surowiyoto dengan ayahanda Ratu Kalinyamat iaitu Sultan Trenggana adalah adik beradik. Selain Ratu Kalinyamat, Sultan Trenggana juga mempunyai putera lelaki yang dikenali sebagai Sunan Prawata, 1546-1549 (Ramlan ed., 1975:34).

Krisis politik di antara keluarga bermula apabila Sunan Prawata membunuh Raden Kikin, iaitu ayahanda Arya Penangsang. Raden Kikin adalah Putera Mahkota Kerajaan Demak, yang layak mewarisi takhta kerajaan pada ketika itu. Namun, setelah Raden Kikin mangkat, takhta Kerajaan Demak diwarisi oleh Sultan Trenggana, ayahanda kepada Ratu dan Sunan Prawata, sebagai raja Demak yang ke-3. Setelah Sultan Trenggana mangkat, takhta Kerajaan Demak diwarisi oleh puteranya, Sunan Prawata, sebagai raja Demak ke-4 (Ramlan ed., 1975).

Penabalan Sunan Prawata sebagai Raja Demak telah membuatkan Arya Penangsang merasa tidak puas hati. Beliau melihat peristiwa itu sebagai politik Sultan Trenggana, yang berkomplot dengan Sunan Prawata dari awal lagi bagi merebut takhta ayahandanya. Disebabkan kemarahan ini, maka beliau ingin membalas dendam kepada Sunan Prawata dan menuntut takhta kerajaan ayahandanya. Beliau mendapat dukungan dari seorang ulama yang bernama Sunan Kudus. Beliau memberi dukungan kerana percaya bahawa Sunan Prawata telah membunuh ayahanda Arya Penangsang dengan menggunakan keris miliknya, yang dikenali sebagai "Keris Kyai Setan Kober".

Kemungkinan Sunan Prawata pada masa itu ingin memfitnah Sunan Kudus sebagai pembunuh, namun tidak berjaya kerana Arya Penangsang tidak percaya bahawa seorang ulama yang warak berlaku khianat kepada ayahandanya (Ramlan ed., 1975).

Pada tahun 1549, Arya Penangsang dengan dukungan Sunan Kudus telah mengarahkan seorang hambanya bernama Rangkud untuk membunuh Sunan Prawata semasa di istananya. Rangkud bukan sahaja berjaya membunuh Sunan Prawata, tetapi juga permaisuri baginda. Dengan kemangkatan Sunan Prawata itu, Kerajaan Demak dirampas oleh Arya Penangsang sebagai raja kerajaan yang ke-5, yang berpusat di Jipang, Jawa Tengah (Ramlan ed., 1975).

Setelah berita pembunuhan Sunan Prawata sampai ke pengetahuan Ratu Kalinyamat, baginda ingin menuntut keadilan dan meminta penjelasan dari Arya Penangsang dan Sunan Kudus. Menurut Sunan Kudus, tindakan Arya Penangsang itu adalah satu hukuman karma. Beliau menjelaskan kepada ratu bahawa Sunan Prawata pernah membunuh ayahanda Arya Penangsang, Pangeran Surowiyoto. Maka, pembunuhan itu dianggap wajar.

Ratu Kalinyamat kecewa dengan dukungan Sunan Kudus dalam plot pembunuhan abangnya. Seorang ulama patutnya memilih jalan yang lebih baik dan diplomatik bagi menyelesaikan masalah politik. Ratu bertambah kecewa apabila mengetahui permaisuri Sunan Prawata turut dibunuh, sedangkan perbuatan itu tidak perlu mereka lakukan (Ramlan ed., 1975). Permaisuri tidak ada kena-mengena dalam permusuhan tersebut.

Arya Penangsang tahu bahawa Ratu Kalinyamat akan membalas dendam kepadanya. Namun, Arya Penangsang bertindak cepat untuk menghalang ratu daripada bertindak balas dengan membunuh suami baginda agar keinginannya tidak tercapai (Ramlan ed., 1975). Tindakan Arya penangsang itu juga bertujuan untuk melemahkan kuasa politik Ratu Kalinyamat, kerana baginda berfikir bahawa seorang wanita tidak akan mampu membalas dendam tanpa kuasa dan pengaruh seorang lelaki.

Walau bagaimanapun, tanggapan Arya Penangsang terbukti salah apabila Ratu Kalinyamat menggunakan strategi diplomatik halus untuk mendapatkan bantuan dari Kerajaan Pajang di bawah kepimpinan Adiwijaya alias Joko Tingkir (1554-1583). Dalam strategi persahabatan ini, Ratu Kalinyamat memang tidak turut bertempur secara langsung dalam pertempuran melawan Arya Penangsang dan tenteranya, namun baginda mempunyai kedudukan sebagai seorang yang berkuasa, berpengaruh, dan berharta. Baginda telah memanfaatkan semua aset ini bagi mendapatkan sokongan dari Kerajaan Pajang (Ramlan ed., 1975).

Dengan kedudukan baginda itu, Ratu Kalinyamat telah menawarkan pengiktirafan kuasa politik kepada pemerintah Pajang, Adiwijaya, jika dia berjaya menumpaskan Arya Penangsang dan juga menawarkan Kerajaan Mataram dan Pati serta harta-harta pusaka yang lain sebagai hadiah tambahan. Dengan adanya tawaran berkenaan, Adiwijaya

memikirkan ia boleh mengukuhkan penguasaan Kerajaan Pajang menjadi satu kesultanan yang luas dan kuat (Ramlan ed., 1975).

Disebabkan tawaran yang begitu tinggi dan bernilai, Adiwijaya bersama dengan pengikut-pengikutnya, di mana antara mereka ialah Ki Pemanahan, Ki Panjawi, Ki Jurumartani, dan Raden Ngabei Loring Pasar, bersetuju untuk menjalankan rancangan bagi menumbangkan takhta kerajaan Arya Penangsang atas nama keadilan dan perjuangan maruah. Akhirnya, kuasa Arya Penangsang berjaya diruntuhkan oleh Adiwijaya dan pengikut-pengikutnya (Ramlan ed., 1975).

Setelah Arya Penangsang dapat dikalahkan, maka berakhirlah juga kuasa Kerajaan Demak. Ratu Kalinyamat juga telah menunaikan janjinya dengan menghadiahkan Mataram kepada Adiwijaya, dan Pati pula dihadihkannya kepada Ki Pemanahan. Turut dihadiahkan baginda adalah harta-harta pusaka, termasuk cincin yang bernama Menjangan Bang, yang diperbuat daripada permata, dan satu lagi cincin pusaka yang bernama Si Uluk, diperbuat daripada intan. Kedua-dua cincin pusaka tersebut diturunkan kepada Ki Pemanahan atas jasa baktinya.

Sementara itu, sebagai tambahan lagi, Adiwijaya pula dihadiahkan semua perempuan muda-muda, sehingga yang tinggal adalah perempuan tua-tua sahaja untuk menjaga dan melayani Ratu Kalinyamat. Dengan kuasa dan harta tersebut, Adiwijaya telah menubuhkan sebuah Kesultanan Pajang (Ramlan ed., 1975:44-45).

Dari peristiwa di atas, Ratu Kalinyamat dapat dikatakan seorang raja wanita yang agresif apabila baginda menggunakan strategi pembunuhan musuh bagi membalas dendam dan menegakkan keadilan dalam menumpaskan musuh baginda. Baginda seorang yang bijak, apabila baginda tidak melibatkan diri dalam pertempuran secara langsung dengan Arya Penangsang, tetapi menjanjikan hubungan persahabatan dan berbagai hadiah kepada Adiwijaya, pemerintah Kerajaan Pajang pada masa itu, agar baginda dapat membantu menumpaskan Arya Penangsang.

Walaupun kelihatan tindakan Ratu Kalinyamat seperti merasuah pemerintah Pajang, tetapi ia boleh dianggap sebagai satu langkah bijaksana untuk melawan musuhnya yang dianggap begitu kuat, kalau dia tidak bersekongkol dengan

pemerintah Pajang (Ramlan ed., 1975:34-45). Ratu telah melakukan berbagai pengorbanan demi mencapai cita-citanya.

Strategi Diplomasi dan Pengaruh Ulama. Selain daripada menggunakan strategi agresif dengan melibatkan terkorbannya nyawa dan harta benda, pemerintah-pemerintah wanita Alam Melayu tradisional juga memanfaatkan strategi diplomasi dalam melemahkan musuh-musuhnya dan sekaligus memperkuat pemerintahan mereka. Salah satu strategi diplomasi adalah dengan menggunakan pengaruh ulama.

Perkara ini boleh dilihat dalam Kerajaan Aceh. Peristiwa berlaku pada era pemerintahan empat Sultanah Aceh dari tahun 1641 hingga 1699. Pertama, Sultanah Safiyattuddin Taj al-Alam; kedua, Naqiyat al-Din Nur al-Alam; ketiga, Zakiyat al-Din Inayat Syah; dan keempat, Kamalat Zainatuddin Shah.

Pemerintahan mereka tidak lari dari kontroversi politik, apabila takhta mereka tergugat. Sultanah-sultanah Aceh telah menerima tentangan kuat dari beberapa orang pembesar dengan menggunakan alasan-alasan isu gender dan agama. Pembesar-pembesar ini telah meragui kebolehan Sultanah-sultanah Aceh sebagai Ketua Negara, kerana golongan wanita dianggap sebagai golongan lemah. Mereka juga menggunakan isu agama dalam menggugat takhta Sultanah-sultanah Aceh dengan mengatakan bahawa agama Islam tidak menggalakkan kaum wanita dalam memimpin negara, kerana wanita bersifat emosi dalam tindak-tanduknya. Mereka juga dianggap kurang bertolak-ansur dan kurang berbudi bicara dalam pentadbiran negara. Selain daripada itu, ada juga beberapa orang pembesar ingin merampas kuasa dengan alasan sebagai waris yang berhak dan juga ingin menguasai pengaruh politik kerajaan (Hasjmy, 1977:176).

Strategi diplomasi pernah digunakan oleh keempat-empat Sultanah Aceh. Pertama, Sultanah Safiyattuddin Taj al-Alam, apabila baginda ditentang oleh beberapa tokoh agama yang tidak bersetuju seorang wanita sebagai pemimpin Kerajaan (Hasjmy, 1977:176 dan 189).

Sultanah kedua, Naqiyat al-Din Nur al-Alam, ditentang oleh kerabatnya sendiri, iaitu Teuku Itam atau dikenali dengan nama Panglima Polem. Teuku Itam mendakwa bahawa beliau berhak mewarisi takhta selepas pemerintahan Sultanah pertama, kerana beliau merupakan abang-tiri kepada Sultanah. Penentangan beliau disokong oleh kebanyakan

rakyat, kerana kedudukannya sebagai Panglima Sagi (Ketua Mukim) yang berpengaruh (Said, 1981:408 dan 732-734).

Manakala pada zaman Sultanah ketiga dan keempat, Zakiyat al-Din Inayat Syah dan Kamalat Zainatuddin Shah, mereka mengalami tekanan politik dari golongan pembesar “Orang Kaya” dari tiga Panglima Sagi yang ditubuhkan oleh Sultanah Naqiyat al-Din dalam sistem pentadbirannya (Said, 1981:403).

“Orang Kaya” atau golongan pembesar tersebut mempunyai pengaruh politik yang besar, terutama dalam hal-hal berkaitan dengan penabalan seorang raja dan juga penggulingannya dari takhta kerajaan (Hasjmy, 1977:189; Said, 1981:408). Disebabkan kedudukan kuasa mereka itu, pemerintahan dua Sultanah, Zakiyat al-Din dan Zainatuddin, menjadi kurang stabil kerana pengaruh politik mereka tidak dapat mengimbangi pengaruh politik golongan pembesar tersebut. Disebabkan itu juga, pemerintahan kedua-dua Sultanah dianggap detik zaman kemunduran Kerajaan Aceh, terutama dalam aspek politik (Said, 1981:408; Ito, 1984:78; Hadi, 2004:82; Umam, 2013:8 dan 18-20).

Walau bagaimanapun, Sultanah-sultanah itu tidak pernah berputus asa dalam menghadapi cabaran-cabaran politik, sebaliknya mereka cuba bertahan dan melawan balik. Bagi menyelesaikan konflik politik tersebut, keempat-empat Sultanah menggunakan strategi diplomasi dengan menggunakan pengaruh ulama dalam menewaskan musuh mereka. Mereka merapati golongan ulama dalam mempertahankan takhta kerajaan mereka.

Ulama yang berpengaruh dalam tempoh pemerintahan mereka ialah Nuru'ddin al-Raniri, 1637-1644;³ dan Abdul Ra'uf al-Singkili, 1615-1693 (Said, 1981:379). Ulama-ulama tersebut mempunyai pengaruh yang besar di kalangan rakyat Aceh. Hal itu boleh dilihat apabila Nuru'ddin al-Raniri dilantik sebagai Shaikh al-Islam, iaitu seorang ulama yang dihormati dalam masyarakat disebabkan pengetahuan agamanya yang luas. Begitu juga dengan Abdul Ra'uf al-Singkili. Beliau telah dilantik sebagai penasihat bagi keempat-empat Sultanah, dan diberi gelaran Kadi Malik al-Adil.

Sokongan politik Nuru'ddin al-Raniri dan Abdul Ra'uf al-Singkili itu boleh dilihat semasa pemerintahan Sultanah

³Tahun menetap di Kerajaan Aceh. Nuru'ddin al-Raniri mangkat pada tahun 1685 di India. Sila rujuk, contohnya, Azyumardi Azra (1994:169) dan M. Solihin (2005:42).

Safiyattuddin Taj al-Alam pada 1641, apabila golongan Wujudiyah ingin menumbangkan pemerintahan Sultanah atas isu agama dan gender. Bagi mengatasi cabaran ini, Nuru'ddin al-Raniri telah bertindak menggunakan pengaruhnya sebagai ulama dengan mengeluarkan fatwa yang menegaskan bahawa wanita dalam Islam sama rata dengan lelaki, dan berhak juga menjadi raja dalam sesebuah kerajaan. Nuru'ddin al-Raniri juga dalam karyanya, kitab *Bustan al-Salatin*, telah memuji pemerintahan Sultanah Safiyattuddin Taj al-Alam kerana pentadbiran kerajaannya berlandaskan ajaran Islam, adil, dan penuh kewibawaan (Hasjmy, 1977:177; Said, 1981:379; al-Raniri, 2010:59).

Dalam masa yang sama, fatwa itu dikukuhkan lagi oleh Abdul Ra'uf al-Singkili dengan berkempen atas rakyat Aceh agar mereka dapat memahami dan menerima kepimpinan kerajaan di bawah seorang raja wanita. Kepimpinan raja wanita ini boleh dipatuhi dengan syarat dasar pemerintahan mereka tidak lari daripada ajaran Islam (Said, 1981:378-379).

Begitu juga pada zaman pemerintahan Sultanah Naqiyat al-Din, apabila kuasa politik baginda dicabar lagi oleh golongan Wujudiyah dan kerabat baginda sendiri, iaitu Teuku Itam seperti yang dijelaskan di atas. Sultanah Naqiyat al-Din telah mendapat sokongan Abdul Ra'uf al-Singkili. Beliau menyokong baginda dan berpendapat bahawa penabalan baginda adalah sah menurut Islam, kerana ia wasiat yang telah diamanahkan oleh Sultanah Safiyattuddin Taj al-Alam. Dalam sokongan Abdul Ra'uf al-Singkili inilah, maka takhta Sultanah Naqiyat al-Din dapat dipertahankan (Hasjmy, 1977:177 dan 188; Hadi, 2004:73 dan 191).

Di bawah kepimpinan empat orang Sultanah juga, ramai para pendakwah dihantar ke negara-negara jiran sehingga Islam dapat berkembang pesat. Selain itu, para ulama Aceh, pada ketika itu, diberikan kesempatan untuk mendalami ilmu Sains-Islam di Mekah, di samping mendalami ilmu agama. Disebabkan Islam semakin berkembang pada zaman keempat-empat orang Sultanah, para ulama dan rakyat Aceh sentiasa memberi sokongan kepada mereka. Tambahan lagi, pemerintahan mereka berjaya membawa Aceh sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang penting (Said, 1981:378; Hadi, 2004:49-53).

Ternyata, keempat-empat orang Sultanah Aceh telah berjaya menggunakan strategi pengaruh ulama dalam

mempertahankan pemerintahan mereka. Meskipun kedua-dua ulama itu bukan merupakan pakar politik, mereka bertanggungjawab dalam membantu menyelesaikan masalah politik yang dialami oleh Sultanah-sultanah Aceh dengan nasihat-nasihat, bimbingan, dan fatwa keagamaan, sehingga ia dianggap sebagai keputusan muktamad. Ini telah mengukuhkan kedudukan kuasa politik keempat-empat orang Sultanah, sehingga berjaya mengatasi musuh-musuh politik mereka yang sering mencetuskan isu-isu agama dan gender dalam menggugat kerajaan mereka (Hasjmy, 1977:177 dan 191; Andaya, 2022:169).

Pengaruh Nuru'ddin al-Raniri dan Abdul Ra'uf al-Singkili telah berjaya mempertahankan kuasa politik Sultanah Aceh, kerana kedudukan mereka sebagai ulama Islam yang berpengetahuan luas tentang ilmu-ilmu agama (Johns, A.H. (2004:120-145; Andaya, 2022:169). Ini menjadikan mereka sebagai orang yang dihormati dalam Kerajaan Aceh. Maka dengan kedudukan ini, sekalian rakyat tidak akan membantah apa sahaja yang dinasihatkan atau difatwakan oleh ulama-ulama tersebut. Sekiranya mereka membantah, seolah-olah mereka tidak bersetuju dengan ajaran Islam.

Kekuatan pengaruh politik ulama dalam Aceh jelas ketika kuasa politik Sultanah-sultanah menjadi lemah, apabila ulama-ulama itu sudah tidak ada lagi. Sebagai contoh, semasa pemerintahan Sultanah terakhir, iaitu Sultanah Kamalat al-Din, apabila baginda tidak lagi mendapat sokongan ulama kerajaannya telah menjadi lemah dan akhirnya tumbang (Hasjmy, 1977:49-53; Andaya, 2022:169).

Pemerintahan wanita Aceh berakhir pada tahun 1699, semasa pemerintahan Sultanah Kamalat al-Din, disebabkan pembelotan yang dibuat oleh sebahagian para pembesar dengan sokongan dua orang Sharif Mekah, iaitu Sharif Hashim dan Sharif Ibrahim, yang pada masa itu datang melawat Aceh. Salah seorang dari kedua Sharif telah dijanjikan untuk memegang takhta Kerajaan Aceh, jika mereka berjaya menggulingkan pemerintahan Sultanah Kamalat al-Din. Kedua-dua Sharif tersebut kembali ke Mekah untuk mendapatkan fatwa dari Mufti Besar Mekah bagi mengesahkan bahawa seorang wanita tidak dibenarkan untuk mengepalai atau memimpin sesebuah kerajaan.

Fatwa ini telah dibawa ke Aceh, yang menyebabkan pemerintahan Sultanah Kamalat al-Din tumbang. Dengan itu,

Sharif Hashim dinobatkan sebagai raja baharu Kerajaan Aceh pada 1699.⁴ Sejak itu, tidak ada lagi kaum wanita menjadi Sultanah dalam Kerajaan Aceh (Hasjmy, 1977:205 dan 215; Said, 1981:412-413). Jelaslah bahawa kekuatan sokongan ulama penting kepada keutuhan dan ketahanan Kerajaan Aceh yang dipimpin oleh wanita.

Hubungan Luar dan Strategi Anak Angkat. Selain memanfaatkan pengaruh ulama, pemerintah wanita Alam Melayu tradisional juga membentuk hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan luar bagi mengatasi isu politik, seperti mempertahankan takhta kerajaan daripada keruntuhan. Dalam konteks ini, strategi yang dimaksudkan adalah strategi anak angkat, sepertimana yang telah dilakukan oleh Cik Siti Wan Kembang (1610-1667),⁵ seorang raja wanita dari Kerajaan Kelantan di Tanah Melayu. Baginda memanfaatkan strategi ini dengan mengangkat seorang puteri, yang dikenali sebagai Puteri Saadong (1667-1671) dari Kerajaan Jembal.

Kerajaan Jembal adalah sebuah kerajaan yang terletak di Kelantan Timur. Baginda mengangkat Puteri Saadong untuk dijadikannya sebagai pewaris takhta pada masa hadapan. Cik Siti Wan Kembang sengaja menggunakan strategi ini kerana bukan sahaja untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Jembal, bahkan dijadikannya sebagai alat penerus legasi politik baginda sebagai seorang pemerintah wanita.

Cik Siti Wan Kembang juga membuat keputusan berkenaan, kerana pada masa itu belum berkahwin dan sudah tentu tidak mempunyai zuriat untuk dijadikan pengganti baginda. Dengan adanya strategi anak angkat daripada Kerajaan Jembal, baginda akan dapat mempertahankan takhta kerajaannya, di samping mengeratkan hubungan diplomatik dengan kerajaan tersebut (Rahman ed., 1987:4-6 dan 26; Mohamed, 1989:4; Osman, 2004:54-55, 105, 270, dan 576; Hamid & Salim, 2006:165 dan 180). Apabila Cik Siti Wan Kembang mangkat pada tahun 1667, maka Puteri Saadong pun menaiki takhta kerajaan sebagai pengganti pemerintahan baginda (Manderson, 1981:39).

⁴Syarif Hashim [Jamalul'lail] dikenali sebagai Sultan Badrul Alam Syarif Hashim Jamalul'lail. Sila rujuk, M. Yunus Jamil (1986:48).

⁵Cik Siti Wan Kembang atau Che Wan Kembang adalah puteri kepada Sultan Ahmad dengan Che' Banun, anak bongsu kepada Seri Nara Diraja, seorang pembesar Kesultanan Kelantan. Sila rujuk, selanjutnya, CK [Cetera Kelantan] (1961:30); dan Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh (1987:38).

Bagaimanapun, pemerintahan Puteri Saadong tidak lama, apabila baginda mangkat pada tahun 1671. Dengan kemangkatan baginda, maka pemerintahan wanita di Kelantan pun berakhir, kerana selepas baginda tidak ada lagi raja wanita yang memerintah, melainkan raja lelaki. Ternyata kesan daripada diplomasi mengambil anak angkat yang diasaskan oleh Cik Siti Wan Kembang telah berjaya mempertahankan takhta baginda, walaupun tidak berterusan dengan lama, namun masih berjaya mengeratkan hubungan antara Kerajaan Kelantan dengan Kerajaan Jembal. Meskipun selepas itu Kerajaan Kelantan diperintah oleh raja-raja lelaki, tetapi hubungan mereka dengan Kerajaan Jembal tetap baik, kerana tidak pernah direkodkan yang kedua-dua kerajaan itu pernah berlaku sebarang krisis seperti peperangan (Manderson, 1981:39).

Strategi Persahabatan dengan Kerajaan Luar. Pendedahan dan kupasan terhadap strategi ini dengan mengambil contoh dua perkara, iaitu: (1) Kes Hubungan Ratu We Tenritapu dari Kerajaan Bone dengan Kerajaan Gowa di Sulawesi Selatan; dan (2) Kes Hubungan Raja Ungu dengan Kerajaan Pahang-Johor di Tanah Melayu. Penjelasannya adalah seperti berikut:

Pertama, Kes Hubungan Ratu We Tenritapu dari Kerajaan Bone dengan Kerajaan Gowa di Sulawesi Selatan. Selain daripada hubungan luar dengan menggunakan strategi anak angkat dan menyambung warisan pemerintahan wanita, terdapat juga pemerintah-pemerintah wanita yang menggunakan hubungan luar negeri dengan strategi persahabatan, semata-mata untuk mengukuhkan kuasa politik kerajaan mereka. Hal ini boleh dilihat, seperti mana yang dilakukan oleh Ratu We Tenritapu dari Kerajaan Bone dengan Kerajaan Gowa di Sulawesi Selatan; Raja Ungu dari Kerajaan Patani, Selatan Siam dengan Kerajaan Pahang-Johor di Tanah Melayu; serta Ratu Kalinyamat dengan Kerajaan Pajang di Jawa Tengah.

Dalam mengukuhkan kuasa politik kerajaan, Ratu We Tenritapu di Kerajaan Bone, baginda telah menjalin hubungan persahabatan dengan Kerajaan Gowa pada tahun 1611. Hal ini dilakukan oleh baginda apabila Kerajaan Gowa, yang ingin menyebarkan agama Islam ke Bone. Pada masa itu, angkatan tentera Kerajaan Gowa lebih kuat daripada Kerajaan Bone.

Dengan yang demikian, Kerajaan Bone di bawah kepemimpinan Ratu We Tenritapu telah dapat dikuasainya.

Walaupun Kerajaan Gowa telah berjaya menguasai Bone, tetapi Ratu We Tenritapu ingin mengekalkan kuasanya dalam kerajaan. Dengan itu, baginda telah menggunakan strategi persahabatan dengan Gowa. Antara caranya adalah baginda sendiri memeluk agama Islam. Baginda adalah raja wanita Bone yang pertama memeluk agama Islam pada tahun 1611. Dengan peng-Islam-an baginda, maka sebahagian rakyat Kerajaan Bone telah mengikut jejak langkah baginda menganut agama Islam (Macknight, Paeni & Hadrawi eds., 2020:100-101).

Tindakan ini boleh dilihat sebagai satu langkah strategi persahabatan dalam mengukuhkan kedaulatan Ratu We Tenritapu. Apabila baginda memeluk agama Islam dengan sukarela bersama rakyat, hubungan dengan Kerajaan Gowa semakin erat. Dengan adanya hubungan ini, Ratu We Tenritapu masih dapat bertahan di atas takhta, tanpa diganggu lagi oleh Kerajaan Gowa. Dengan persahabatan ini juga, baginda dapat meningkatkan sosio-ekonomi negerinya dengan kerjasama Kerajaan Gowa. Malahan dengan strategi ini membuatkan Ratu We Tenritapu terkenal sebagai wanita yang berjasa dalam menyebarkan Islam di Kerajaan Bone (Macknight, Paeni & Hadrawi eds., 2020:99-101).

Kedua, Kes Hubungan Raja Ungu dengan Kerajaan Pahang-Johor di Tanah Melayu. Selain Kerajaan Bone di Sulawesi Selatan, strategi persahabatan sebagai mengukuhkan kuasa politik pemerintah wanita juga dilakukan oleh Raja Ungu dari Kerajaan Patani, Selatan Siam. Baginda tidak hanya melakukan dari segi hubungan persahabatan sahaja, tetapi juga dari segi ikatan perkahwinan. Hal ini berlaku apabila Raja Ungu telah memanfaatkan strategi perkahwinan baginda dengan Sultan 'Abdul-Ghaffar Mohaidin Syah (1590-1614) dari Pahang, Tanah Melayu, sebagai langkah untuk membentuk hubungan baik dengan kerajaan-kerajaan lain yang berjiran dengan Pahang (Teeuw & Wyatt, 1970:14). Hal ini boleh dilihat apabila Raja Ungu dapat menjalin hubungan dengan kerajaan-kerajaan yang berjiran dengan Pahang, seperti Kerajaan Kelantan dan Johor di Tanah Melayu (Wyatt, 1967:28; al-Fatani, 1994:21).

Dalam mengukuhkan kuasa politik, Raja Ungu merasa lebih selamat daripada serangan Siam, apabila persahabatannya dengan Pahang, Kelantan, dan Johor di Tanah Melayu juga boleh mengukuhkan strategi pertahanan kerajaannya. Dengan kata lain, jika Siam menyerang Patani maka negeri-negeri di Tanah Melayu tersebut akan dapat memberikan bantuan menghadapi serangan Siam.

Manfaat daripada persahabatan ini juga digunakan oleh Ratu Ungu untuk meningkatkan kegiatan perdagangan antara Patani dengan negeri-negeri sahabat di Tanah Melayu. Patani merupakan sebuah kerajaan yang kaya dengan hasil bumi, seperti rempah ratus dan binatang ternakan, yang boleh menjadi bahan dagangan dengan negeri-negeri sahabat (al-Fatani, 1994:32). Langkah ini boleh dianggap bijak, apabila sumber pendapatan kerajaan dapat ditingkatkan dengan kegiatan persahabatan (Teeuw & Wyatt, 1970:16-18).

Strategi perkahwinan bagi mengukuhkan kuasa politik Raja Ungu juga diteruskan apabila baginda mengkahwinkan puterinya, Raja Kuning, dengan putera Sultan Johor yang dikenali sebagai Yang Di Pertuan Muda (Wyatt, 1967:31). Strategi perkahwinan adalah satu kaedah penting kepada Raja Ungu untuk mengukuhkan kuasanya dari segi ketenteraan dan pertahanan. Raja Ungu risau jika Siam berkuasa dan berjaya menakluk Kerajaan Patani, agama Islam akan terancam. Dengan adanya strategi perkahwinan antara Patani dengan Pahang dan Johor, maka serangan-serangan Kerajaan Siam telah dapat ditumpaskan. Dengan langkah ini juga, pangaruh agama Buddha yang dianuti oleh Kerajaan Siam dapat disekat daripada tersebar ke dalam masyarakat Patani (Teeuw & Wyatt, 1970:16 dan 18).

Dengan bantuan kerajaan-kerajaan dari Semenanjung Tanah Melayu, Raja Ungu merasa lebih selamat dan lebih kuat. Dengan sebab itu, dalam sejarah Kerajaan Patani, Raja Ungu adalah raja wanita pertama yang membuang gelaran Phra-cau, iaitu gelaran Siam bagi "Raja Wanita", dan menggantikannya dengan gelaran "Paduka Shah Alam" (Wyatt, 1967:30). Gelaran Phra-cau itu pernah digunakan oleh Raja A'isyah, ibu saudara Raja Ungu, dan Raja Ijau semasa zaman pemerintahan mereka. Tindakan baginda dalam menyingkirkan gelaran tersebut adalah satu simbol politik yang menzahirkan protes baginda terhadap kuasa Siam (Teeuw & Wyatt, 1970:13 dan 16).

Selain daripada hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan Melayu, seperti Pahang, Kelantan, dan Johor; baginda juga telah menjalin hubungan baik dengan Portugis, Belanda, British, Jepun, China, dan kerajaan-kerajaan rantau Asia Tenggara lainnya, seperti Brunei, Cambodia, Jambi, Maluku, Jawa Utara, dan Sumatera. Namun hubungan ini lebih berunsur hubungan perdagangan, berbanding dengan pertahanan.

Walau bagaimanapun, dengan adanya ekonomi yang kuat dan dimiliki oleh Patani di zaman pemerintahan Raja Ungu, maka dengan secara tidak langsung juga boleh mengukuhkan kuasa tentera. Hal ini boleh kita lihat apabila sumber ekonomi yang banyak itu tidak hanya digunakan untuk membangun kesejahteraan rakyat, tetapi juga membangun kuasa tentera kerajaan. Dengan hubungan persahabatan yang begitu banyak, yang dilakukan oleh Raja Ungu, maka Patani telah terkenal sebagai pusat perdagangan antarabangsa (Teeuw & Wyatt, 1970:13, 247, dan 253-257; Kheng, 1993:1-21; al-Fatani, 1994:32).

KESIMPULAN

Pemerintah-pemerintah wanita Kesultanan Alam Melayu tradisional pada abad ke-16 hingga abad ke-17 Masihi memang terlibat kegiatan politik yang berkaitan dengan pentadbiran kerajaan. Dalam memegang tampuk pemerintahan, mereka tidak dapat lari dari mengalami cabaran politik. Namun, dengan kuasa politik berada di tangan, mereka berjaya memanfaatkan dua strategi bagi mengatasi cabaran-cabaran politik yang berkaitan dengan isu dan krisis takhta kerajaan.

Sebagaimana yang dilakukan oleh pemerintah-pemerintah wanita, seperti Raja Ijau dari Kerajaan Patani, Selatan Siam; Ratu Kalinyamat dari Kerajaan Kalinyamat, Jepara, Jawa Tengah; empat orang Sultanah Aceh dari tahun 1641 hingga 1699, iaitu Sultanah Safiyattuddin Taj al-Alam, Naqiyat al-Din Nur al-Alam, Zakiyat al-Din Inayat Syah, dan Kamalat Zainatuddin Shah; serta Cik Siti Wan Kembang dari Kerajaan Kelantan, Tanah Melayu. Dari kedua-dua strategi itu, pertama, menggunakan tindakan agresif dengan membabitkan kekuatan senjata, sehingga musuh-musuhnya dapat ditumpaskan. Manakala strategi kedua, penerapan strategi

diplomasi yang halus dengan menggunakan pengaruh ulama dan hubungan luar melalui jalinan persahabatan yang erat.

Dengan penglibatan mereka dalam percaturan politik kerajaan, ianya membuktikan bahawa peranan golongan pemerintah wanita di Alam Melayu tradisional tempoh abad ke-16 hingga abad ke-17 telah berhasil mencorakkan sejarah kesultanan Melayu. Ini menunjukkan bahawa wanita juga mempunyai karisma dalam mentadbir negara, di samping mampu menghadapi berbagai cabaran, biarpun mereka dikatakan sebagai golongan yang lemah. Sepertimana peribahasa: “Tangan yang menghayun buaian anak kecil juga mampu menggoncang Dunia.”

Referensi

- Achmad, Sri Wintala. (2019). Ratu Kalinyamat. Yogyakarta: Araska.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2018). Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- al-Fatani, Ahmad Fathy. (1994). Pengantar Sejarah Patani. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Ali, Syed Husin. (2008). The Malays: Their Problems and Future. Kuala Lumpur: The Other Press.
- al-Raniri, Nuruddin Muhammad Ibn Ali Hamid. (2010). Bustan al-Salatin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edited by Siti Hawa Haji Salleh.
- Andaya, Barbara Watson. (2006). The Flaming Womb: Repositioning Women in Early Modern Southeast Asia. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Andaya, Barbara Watson. (2021). Kuasa Rahim: Reposisi Perempuan Asia Tenggara Periode Modern Awal, 1400–1800. Depok, Jawa Barat, Indonesia: Komunitas Bambu, Terjemahan.
- Andaya, Barbara Watson. (2022). “Islam and Women in Pre-Colonial Southeast Asia” in Khairudin Aljunied [ed]. Routledge Handbook of Islam in Southeast Asia. London: Routledge.
- Azra, Azyumardi. (1994). Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII. Bandung: Mizan.
- Budiardjo, Miriam. (1999). Dasar-dasar Ilmu Politik. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- CK [Cetera Kelantan]. (1961). Buku Cenderamata Perayaan Kemahkotaan Tuanku Yahya Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim dan Tengku Zainab binti Tengku Muhamad Petra sebagai DYMM Sultan Kelantan dan DYMM Raja Perempuan Kelantan. Kelantan: t.p. [tiada penerbit].
- Creswell, John W. & J. David Creswell. (2018). Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches. New York City: SAGE Publications, Ltd., 5th edition.
- Fried, Morton H. (1977). “Antropologi dan Kajian Politik” dalam Sol Tax [ed]. Bidang-bidang Antropologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hadi, Amirul. (2004). Islam and State in Sumatra: A Study of Seventeenth-Century Aceh. Leiden: Brill.
- Hamid, Ismail. (1991). Masyarakat dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hamid, Rogayah A. & Mariyam Salim. (2006). Kesultanan Melayu Kelantan, Jilid 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, Ruzi Suliza. (2003). *Out of the Shadows: Women in Malay Court Narratives*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasjmy, A. (1977). *59 Tahun Aceh Merdeka Dibawah Pemerintahan Ratu*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Hirth, F. & W.W. Rockhill [eds]. (1912). *Chau Ju-Kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries, Entitled Chu Fan Chi*. St. Petersburg: Printing Office of the Imperial Academy of Sciences.
- Ito, Takeshi. (1984). "The World of the Adat Aceh: A Historical Study of the Sultanate of Aceh". Unpublished Ph.D. Dissertation. Canberra: Australian National University.
- I-Tsing. (1896). *A Record of Buddhist Religion as Practiced in India and the Malay Archipelago (A.D. 671-695)*. Oxford: Clarendon Press, translated by J. Takakusu.
- Jamil, M. Yunus. (1986). *Tawarikh Raja-raja Kesultanan Aceh*. Banda Aceh: Ajdam Iskandarmuda.
- Johns, A.H. (2004). "The Qur'an in the Malay World: Reflections on 'Abd al-Ra'uf of Singkel (1615-163)" in *Journal of Islamic Studies*, Volume 9(2), pp.120-145.
- Kheng, Cheah Boon. (1993). "Power Behind the Throne: The Role of Queens and Court Ladies in Malay History" in *Journal of the Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, Vol.66, No.1, pp.1-21.
- Lombard, Denys. (1996). *Nusa Jawa, Silang Budaya: Kajian Sejarah Terpadu*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, Terjemahan.
- Macknight, Campbell, Mukhlis Paeni & Muhlis Hadrawi [eds]. (2020). *The Bugis Chronicle of Bone*. Australia: Australian National University Press.
- Manderson, Lenore. (1981). *Wanita, Politik, dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti, Sdn Bhd., terjemahan Samsudin Jaapar.
- Milner, A.C. (1989). "Islam dan Negara Muslim" dalam Azyumardi Azra [ed]. *Perspektif Islam di Asia Tenggara*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, Terjemahan.
- Mohamed, Alias. (1989). *Kelantan: Politik dan Dilema Pembangunan*. Kelantan: Gateway Publishing House.
- Osman, Muhammad Taib. (2004). *Hikayat Seri Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman, Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd [ed]. (1987). *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah di Malaysia*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Ramanathan, K. (1988). *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlan, M. [ed]. (1975). *Babad Tanah Jawa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli, Zuliskandar. (2011). "Rumpun Melayu di Madagascar" dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman et al. [Zuliskandar Ramli, Mohammad Zain Musa & Adnan Jusoh]. *Alam Melayu: Satu Pengenalan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ryan, N.J. (1971). *The Cultural Heritage of Malaya*. Kuala Lumpur: Longmans.
- Said, H. Mohammad. (1981). *Aceh Sepanjang Zaman, Jilid 1*. Medan: P.T. Penerbitan Waspada Medan.
- Salleh, Nik Mohamed bin Nik Mohd. (1987). "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan" dalam Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd Rahman [ed]. *Kelantan Zaman Awal: Kajian Arkeologi dan Sejarah di Malaysia*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Shuhaimi, Nik Hassan. (1984). "Art, Archaeology, and the Early Kingdoms in the Malay Peninsula and Sumatra, c. 400-1400 A.D., Volume 1". Unpublished Ph.D. Thesis. London: School of Oriental and African Studies, University of London.
- Sjamsuddin, Helius. (2020). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Solihin, M. (2005). *Melancak Pemikiran Tasawuf di Nusantara*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.

- Suwirta, Andi. (2007). "Raja, Wakil Allah, dan Manusia Sempurna: Wacana Pemikiran Politik Islam di Indonesia" dalam Abdul Razaq Ahmad & Andi Suwirta. *Sejarah dan Pendidikan Sejarah: Perspektif Malaysia dan Indonesia*. Bandung: Historia Utama Press, hlm.105-118.
- Tarling, Nicholas [ed]. (2008a). *The Cambridge History of Southeast Asia, Volume 1: From Early Times to c. 1800*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tarling, Nicholas [ed]. (2008b). *The Cambridge History of Southeast Asia, Volume 2: The Nineteenth and Twentieth Centuries*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Templer, John C. (2018). "Esq Royal Hotel, Devonport, No.1, Disember 7, 1838" dalam Mohd Farith Mohd Saad [ed]. *Surat-surat James Brooke, Volume 1*. Kuala Lumpur: Geroda Merah Press.
- Teeuw, A. & D.K. Wyatt. (1970). *Hikayat Patani: The Story of Patani*. The Hague: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde.
- Umam, Saiful. (2013). "Controversies Surrounding the Aceh's Sultanahs: Understanding Relations between Islam and Female Leadership" in *Journal of Indonesian Islam*, Vol.7, No.1, pp.1-23.
- Wheatley, Paul. (1961). *The Golden Khersonese: Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula Before A.D. 1500*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Wyatt, David. (1967). "A Thai Version of Newbold's 'Hikayat Patani'" in *JMBRAS*, Vol.40, No.2, pp.16-37.
- Yatim, Othman Mohd & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman. (1994). *Beruas: Kerajaan Melayu Kuno di Perak*. Kuala Lumpur: United Selangor Press, Sdn Bhd.
- Zed, Mestika. (2025). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, edisi terkini.